

BUKU PANDUAN PASCA SISWAZAH

PROGRAM MOD PENYELIDIKAN

DISEDIAKAN OLEH:

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia

Buku Panduan

Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang
Tel: (04) 653 5812 / 5813 / 3422
Fax: (04) 653 2124
https://isdev.usm.my/

Institut Pengajian Siswazah (IPS)
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang
Tel: (04) 653 2606 / 2958
Fax: (04) 653 2931
http://ips.usm.my/



Dikemas kini pada:
5 Oktober 2026
Oleh: Prof. Madya Dr. Mohd Syakir Mohd Rosdi

Senarai **Kandungan**

KATA ALUAN PENGARAH 03

LATAR BELAKANG DAN VISI & MISI ISDEV 04

CARTA ORGANISASI ISDEV 06

PROGRAM AKADEMIK ISDEV (MOD PENYELIDIKAN) 07

FASILITI ISDEV 33

KALENDAR AKADEMIK USM 39

DIREKTORI ISDEV 42



Kata Aluan PENGARAH

Selamat datang ke Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM). ISDEV merupakan sebuah Pusat Kecemerlangan Penyelidikan yang berhasrat menjadi peneraju disiplin Pengurusan Pembangunan Islam, berintensifkan penyelidikan rentas bidang untuk melahirkan insan holistik yang mampu memperkasakan masyarakat demi mentransformasi kesejahteraan sejagat. ISDEV merasakan sangat beruntung kerana saudara/saudari sudi bersama ISDEV bagi merealisasikan visi mentransformasi ilmu pembangunan berasaskan disiplin Pengurusan Pembangunan Islam untuk kelestarian hari esok. Selamat datang lagi sekali dan selamat berjuang!



PROFESOR MADYA DR. SHAHIR AKRAM HASSAN





LATAR BELAKANG **ISDEV**

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) adalah satu Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (CoE) bermula pada tahun 2014. Sebagai CoE akademik Universiti, ISDEV meletakkan hasrat untuk menjadi peneraju disiplin pengurusan pembangunan Islam berintensifkan penyelidikan rentas bidang untuk melahirkan insan holistik yang mampu memperkasakan masyarakat demi mentransformasi kesejahteraan sejagat.

ISDEV turut berusaha merealisasi hasrat ini melalui penawaran program akademik mod penyelidikan yang ditawarkan diperingkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Kedua-dua program ini dikendalikan oleh ISDEV di bawah tatakelola Institut Pengajian Siswazah (IPS) dengan pemantauan penuh Senat USM dan diakreditasi oleh MQA. Bagi memelihara kualiti penyelidikan dan integriti akademik program akademik yang ditawarkan, ISDEV amat menitik beratkan kualiti dan merit pada setiap aspek khususnya pengambilan, proses penyeliaan hingga selesai pengajian dan meletakkannya sebagai keutamaan tertinggi (*highest priority*). Buku panduan ini juga mengandungi ekosistem pasca siswazah ISDEV beserta program-program sokongan dan data-data berkaitan.

Pernyataan
Visi dan Misi ISDEV

Visi

“Mentransformasi ilmu berasaskan disiplin Pengurusan Pembangunan Islam untuk Kelestarian Hari Esok”

Misi

Meneraju disiplin Pengurusan Pembangunan Islam berasaskan penyelidikan rentas bidang untuk melahirkan insan holistik yang mampu memperkasakan masyarakat sejagat



06

CARTA ORGANISASI

PUSAT KAJIAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN ISLAM (ISDEV)



Pengarah
Prof. Madya Dr. Shahir Akram Hassan



Timb. Pengarah
Prof. Madya Dr. Mohd Syakir Mohd Rosdi



Setiausaha Pejabat
En. Burhanuddin
Helmy Musa

STAF AKADEMIK



Pensyarah
Prof. Madya Dr. Fadzila Azni Ahmad



Pensyarah
Prof. Madya Dr. Mohd Shukri Hanapi



Pensyarah
Dr. Azrin Ibrahim



Pensyarah
Dr. Wan Norhaniza Wan Hasan



Pensyarah
Dr. Azreen Hamiza Abdul Aziz



Pensyarah
Dr. Murni Yusoff

STAF PENTADBIRAN



Penolong Pegawai Tadbir
Pn. Anati Mohd Hamidi



Pembantu Tadbir
En. Amir Zayyani Zahari



Pembantu Tadbir
En. Abdul Nassier A Rahim



Pembantu Tadbir
Pn. Nur Shuhada Ahmad Ghazali



Pembantu Operasi
En. Ahmad Rizuan Ramjan

Program Akademik


Program Mod Penyelidikan

Sarjana

- Sarjana Pengurusan Pembangunan berteraskan Islam

Ph.D

- Doktor Falsafah




MAKLUMAT PROGRAM

08

MOD PENYELIDIKAN





PERMOHONAN
Pengajian

Semua permohonan kemasukan sebagai calon siswazah ISDEV hendaklah dibuat dengan menggunakan permohonan secara dalam talian di http://onlineips.usm.my/admission/.

Permohonan dibuka sepanjang tahun dan permohonan diproses dari semasa ke semasa oleh IPS. Pemohon yang telah mengemukakan permohonan boleh membuat semakan status permohonan secara atas talian di http://onlineips.usm.my/admission/ dan sekiranya pemohon berjaya mendapat tawaran, surat tawaran digital boleh dimuat turun dari laman web berkenaan.

Pemohon luar negara perlu memohon kelulusan visa siswazah setelah mendapat surat tawaran dari USM. Pemohon tidak dibenarkan mendaftar sebagai siswazah USM tanpa kelulusan visa siswazah. Permohonan kelulusan visa siswazah boleh dilakukan secara atas talian di https://educationmalaysia.gov.my/ Calon boleh rujuk panduan permohonan yang terdapat dalam laman web www.imcc.usm.my/v2/visa.

Maklumat
Permohonan

SYARAT KEMASUKAN

PROGRAM SARJANA

Kelayakan (mana-mana yang berikut):

1. **Ijazah Sarjana Muda**

A) PNGK sekurang-kurangnya 2.75/4.00; atau
B) PNGK antara 2.50 - 2.74/4.00 dengan salah satu daripada syarat berikut:
- Pengalaman penyelidikan – 1 tahun; atau
- Pengalaman profesional dalam bidang berkaitan – 1 tahun; atau
- Satu (1) penerbitan akademik dalam bidang berkaitan; atau
- Gred B bagi kursus utama/pilihan; atau
- Gred B+ bagi projek tahun akhir.

C) PNGK antara 2.00 - 2.49/4.00 (Ijazah Kepujian) dengan semua syarat berikut:
- Pengalaman penyelidikan – 5 tahun; atau
- Pengalaman profesional dalam bidang berkaitan – 5 tahun, DAN
- Satu (1) penerbitan akademik dalam bidang berkaitan; atau
- Gred B bagi kursus utama/pilihan; atau
- Gred B+ bagi projek tahun akhir.

2. Sijil APEL A (APEL T-7)

Rujukan: http://www2.mqa.gov.my/APEL/
Bagi kelayakan bukan berasaskan PNGK, sila rujuk kepada IPS untuk pengesahan.

PROGRAM PhD / DOKTOR FALSAFAH

Kelayakan (mana-mana yang berikut):

1. Ijazah Sarjana (Kerja Kursus atau Mod Campuran)

A) PNGK sekurang-kurangnya 3.00 / 4.00; atau
B) PNGK antara 2.50 - 2.99/4.00 dengan salah satu daripada syarat berikut:
- Pengalaman penyelidikan – 2 tahun; atau
- Pengalaman profesional dalam bidang berkaitan – 2 tahun; atau
- Dua (2) penerbitan akademik dalam bidang berkaitan; atau
- Gred B+ bagi kursus utama/pilihan; atau
- Gred B+ bagi Mod Kerja Kursus atau gred P bagi disertasi/projek Mod Campuran.

2. Ijazah Sarjana (Mod Penyelidikan)

(Layak terus memohon tanpa syarat tambahan)
Bagi kelayakan bukan berasaskan PNGK, sila rujuk kepada IPS untuk pengesahan.

Permohonan Masuk:

Setiap siswazah dikehendaki menulis proposal ringkas berkaitan perkara dan bidang yang hendak dikaji.

Diterima Masuk:

Setelah diterima masuk, siswazah akan berbincang semula dengan penyelia berkaitan tajuk yang hendak dikaji. Setelah dipersetujui, siswazah dikehendaki menyediakan proposal dengan lengkap.

PERATURAN DAN SYARAT KEMASUKAN TAMBAHAN

Tawaran kemasukan adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan di bawah:

Sebagai siswazah Berdaftar USM perlu tertakluk kepada syarat peraturan dan undang-undang berikut:

- Semua Undang-Undang yang berkuatkuasa di Malaysia;
- Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU 1971) dan Perlembagaan Universiti Sains Malaysia;
- Kaedah-kaedah Universiti Sains Malaysia (Disiplin dan Tatatertib Pelajar-Pelajar 2023);
- Polisi dan keputusan Lembaga Gabenor Universiti, Senat Universiti, Pengurusan Tertinggi Universiti dan Majlis-Majlis Pusat Pengajian yang berkenaan
- Mestilah bersedia membayar semua yuran pengajian dan yuran-yuran lain dalam tempoh yang ditetapkan tertakluk kepada Peraturan Kewangan Universiti.
- Dikehendaki mengambil bahagian dan komited dalam kegiatan akademik dan program-program siswazah yang dirancang oleh ISDEV.

PENDAFTARAN SISWAZAH BAHARU & MAKLUMAT YURAN

Calon siswazah yang mengikuti pengajian mod penyelidikan boleh melakukan pendaftaran sepanjang tahun.

Semua calon siswazah yang mendaftar diri secara rasmi di Universiti Sains Malaysia perlu membayar yuran pada setiap semester. Maklumat berkenaan kadar bayaran yuran, denda pendaftaran lewat, denda menghidupkan semula pencalonan, kadar yuran mengikut status pencalonan, kadar yuran bagi siswazah yang menangguh pengajian, pembayaran balik yuran bagi siswazah yang menarik diri, menukar taraf pencalonan boleh diakses daripada IPS dan tertakluk kepada maklumat yang dikeluarkan IPS.

TEMPOH PENCALONAN

IJAZAH SARJANA

- Tempoh minimum pencalonan bagi seseorang siswazah **penuh masa** ialah 2 semester dan maksimum 6 semester.
- Tempoh minimum pencalonan bagi seseorang siswazah **sambilan** ialah 4 semester dan maksimum 12 semester

IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

- Tempoh minimum pencalonan bagi seseorang siswazah **penuh masa** ialah 4 semester dan maksimum 10 semester.
- Tempoh minimum pencalonan bagi seseorang siswazah **sambilan** ialah 6 semester dan maksimum 15 semester.

PENYELIAAN SISWAZAH

- Majlis ISDEV hendaklah memperakukan pelantikan seorang Penyelia Utama dari kalangan staf Universiti untuk membimbing dan menyelia pelajar.
- Majlis ISDEV boleh memperakukan pelantikan Penyelia Bersama dari kalangan staf Universiti atau dari luar universiti yang mempunyai kelayakan yang sesuai jika diperlukan.
- Kelulusan pelantikan Penyelia Utama/Penyelia Bersama/Penyelia Lapangan bagi pengajian peringkat Sarjana dan PhD adalah di peringkat Majlis (ISDEV) sahaja.

- Penyelia Utama dan Penyelia Bersama boleh dilantik daripada kategori akademik yang mempunyai pengalaman penyelidikan dan pakar dalam bidang kesarjanaan masing- masing.
- Kriteria pemilihan penyelia bagi pelajar Pengajian Siswazah adalah seperti ketetapan MQA yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Senat ke-275 (26 Mei 2022) – Seperti Lampiran 2
- Penyelia perlu melalui latihan penyeliaan yang berstruktur yang dijalankan oleh Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik (CDAE)

  i. Pengecualian kepada staf akademik yang telah berjaya menggraduatkan pelajar peringkat siswazah mod penyelidikan sebagai Penyelia Utama.
  ii. Kursus yang diadakan sekurang-kurangnya 14jam
  iii. Kursus ini wajib diambil oleh staf akademik baharu pada tahun pertama pelantikan
  iv. Walau bagaimanapun, staf akademik digalakkan untuk mengikuti kursus yang ditetapkan

Majlis ISDEV boleh memperakukan pelantikan Penyelia Bersama dari kalangan staf Universiti atau dari luar universiti yang mempunyai kelayakan yang sesuai jika diperlukan.

Dalam keadaan biasa, hanya seorang penyelia diperlukan. Penyelia yang dilantik hendaklah menjalankan tugas sekurang-kurangnya selama satu (1) tahun. Sekiranya gantian diperlukan, pelantikan baharu ini hendaklah dibuat tiga (3) bulan sebelum tempoh penyelia pertama tamat.

Jika Penyelia Utama yang dilantik ialah seorang staf kontrak, seorang Penyelia Bersama dari kalangan staf akademik tetap hendaklah dilantik untuk menjamin kesinambungan (Tafsiran Penyelia Bersama ialah seorang yang berfungsi sebagai ‘Pembantu kepada Penyelia Utama)

Kaedah Penyeliaan

Penyeliaan Individu (Penyeliaan Individu Penyelia – siswazah): Semua penyelia bertanggungajawab mengadakan penyeliaan individu bersama siswazah seliaan secara serius dan pada kadar kekerapan tertentu

Penyeliaan Berkumpulan (Penyelia dan semua siswazah di bawah selian). Perkara ini digalakkan untuk dilakukan atas inisiatif penyelia.

Penyeliaan Bulanan: Setiap bulan siswazah ISDEV diwajibkan mengikuti Program Penyeliaan Bulanan. Dalam program ini, selain ucapan Tarbiyyah Pengarah, salah seorang pensyarah akan diminta menyampaikan kuliah berkaitan kaedah penyelidikan seperti kuliah tentang Kaedah Pengumpulan dan Penganalisisan Data; Pernyataan Masalah; Kajian Lepas dan Sorotan Karya dan lain-lain.

Kaedah Pemilihan Penyelia

Setiap calon siswazah yang memilih untuk menyambung pengajian di peringkat Ijazah Tinggi (Sarjana atau PhD) di ISDEV boleh dibahagikan kepada TIGA kelompok.

Pertama: Mereka yang mengenali ISDEV melalui media sosial dan penulisan. Mereka terus membuat permohonan masuk tanpa mengetahui siapa staf akademik yang layak dijadikan sebagai penyelianya. Bagi siswazah dari kategori ini, penyelia ditentukan oleh JK Siswazah ISDEV.

Kedua: Mereka yang mengenali ISDEV daripada rakan-rakan mereka yang telah atau sedang belajar di ISDEV. Kebiasaannya, siswazah kategori ini akan memilih penyelia yang sama dengan penyelia rakannya itu. Jika bidang yang hendak dikaji ini sesuai dengan bidang kepakaran penyelia itu, dan bakal penyelia pun bersetuju, maka siswazah dibenarkan menyambung pengajian penyelia yang dipilih dengan kelulusan JK Siswazah. Jika sebaliknya, JK Siswazah akan mencadangkan penyelia lain.

Ketiga: Mereka yang sudah mengenali ISDEV berikutan pernah menyambung Sarjana Mod Campuran di ISDEV. Mereka dengan mudah memilih untuk meneruskan dengan penyelia yang membimbing mereka di peringkat sarjana sebelum ini. Walau bagaimanapun, mereka masih boleh untuk bertukar penyelia.

Bagi tujuan tersebut, terdapat 8 orang staf akademik ISDEV yang boleh dipilih untuk menjadi penyelia utama (berdasarkan bidang kepakaran dan kesarjanaan mereka:

1. Profesor Madya Dr. Shahir Akram Hassan
2. Profesor Madya Dr. Fadzila Azni Ahmad
3. Profesor Madya Dr. Mohd Shukri Hanapi
4. Profesor Madya Dr. Mohd Syakir Mohd Rosdi
5. Dr. Azrin Ibrahim
6. Dr. Wan Norhaniza Wan Hasan
7. Dr. Murni Yusoff
8. Dr. Azreen Hamiza Abdul Aziz



PEMETAAN

- AGENDA HEBAT USM
- MATLAMAT PENDIDIKAN INSTITUSI (IEG)
- OBJEKTIF PEMBELAJARAN PROGRAM (PEO)
- HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM (PLO)

MAKLUMAT PEMETAAN

PROGRAM SARJANA & DOKTOR FALSAFAH

AGENDA HEBAT USM

Sistem pengajian USM memberi tumpuan kepada lima (5) elemen, iaitu, ***Holistic*** **(Holistik),** ***Entrepreneurial*** **(Keusahawanan),** ***Balanced*** **(Seimbang),** ***Articulate*** **(Artikulasi), dan** ***Thinking*** **(Berfikir).** Sistem ini lebih dikenali sebagai agenda HEBAT, iaitu satu sistem pengajian yang melahirkan graduan yang holistik, pola fikir keusahawanan, seimbang, petah dan berdaya fikir ke arah menyumbang kesejahteraan masyarakat serta memenuhi keperluan nasional dan global.

MATLAMAT PENDIDIKAN INSTITUSI (IEG)

BERDASARKAN agenda HEBAT ini, LIMA (5) Matlamat Pendidikan Institusi (IEG) USM dibentuk yang bertujuan melahirkan graduan yang dapat menyumbang kesejahteraan masyarakat serta memenuhi keperluan nasional dan global, iaitu:

IEG 1	Menyerlahkan pengetahuan dan kemahiran, terutama dalam disiplin profesional graduan dengan pemikiran global menggunakan pendekatan berfikir secara kritis dan penyelesaian masalah
IEG 2	Menonjolkan sifat seimbang antara nilai dengan sikap berbudi mulia, etika dengan profesionalisme, pemikiran saintifik, dan seni dengan kemanusiaan ke arah pembinaan rakyat dan tamadun bangsa yang cemerlang.
IEG 3	Menyerlahkan kemahiran dan pola fikir sosiokeusahawanan, mampu menyumbang kesejahteraan masyarakat dalam merapatkan jurang ketidaksamarataan, dan meningkatkan kelestarian.
IEG 4	Berkomunikasi secara efektif dan berkeyakinan yang merangkumi intradisiplin dan antaradisiplin, masyarakat dan teknologi.
IEG 5	Mempamerkan kepimpinan, kemahiran kerja berpasukan dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat, terutama dalam disiplin profesional graduan.

OBJEKTIF PEMBELAJARAN PROGRAM (PEO)

PROGRAM SARJANA

Program Sarjana mod penyelidikan dirangka bagi melahirkan graduan yang memenuhi lima (5) objektif berikut:

PEO 1	Berkebolehan dalam mengintegrasi konsep, teori, kaedah dan pengetahuan terkini dalam menjalankan penyelidikan yang berkualiti dan berguna untuk kesejahteraan masyarakat setempat dan sejagat.
PEO 2	Graduan yang mahir dalam menganalisis permasalahan secara kritis dan tepat serta berupaya meneroka penyelesaian secara kreatif dan inovatif menerusi pelbagai platform digital yang terkini.
PEO 3	Mengamalkan nilai profesional, kelestarian dan beretika dalam menjalankan tanggungjawab kepada majikan, masyarakat dan negara.
PEO 4	Mempunyai kemahiran komunikasi yang efektif dan berkeyakinan dalam menyampaikan ilmu secara lisan dan bertulis serta berupaya mengaplikasi set minda dan kemahiran keusahawanan dalam kerja penyelidikan
PEO 5	Berkebolehan dalam meneroka ilmu baharu dan kolaborasi rentas bidang yang memberi impak kepada pembangunan dan kelestarian sosio-ekonomi masyarakat dan negara

OBJEKTIF PEMBELAJARAN PROGRAM (PEO)

PROGRAM DOKTOR FALSAFAH

Program Doktor falasafah mod penyelidikan dirangka bagi melahirkan graduan yang memenuhi lima (5) objektif berikut:

PEO 1	Berkebolehan dalam mengintegrasi konsep, teori, kaedah dan pengetahuan terkini dalam menjalankan penyelidikan yang berkualiti dan berguna untuk kesejahteraan masyarakat setempat dan sejagat.
PEO 2	Pakar bidang yang mahir dalam menganalisis permasalahan secara kritis dan tepat serta berupaya meneroka penyelesaian secara kreatif dan inovatif menerusi pelbagai platform digital yang terkini.
PEO 3	Pakar bidang yang mengamalkan nilai profesional, kelestarian dan beretika dalam menjalankan tanggung jawab kepada majikan, masyarakat dan negara.
PEO 4	Mempunyai kemahiran komunikasi yang efektif dan berkeyakinan dalam menyampaikan ilmu secara lisan dan bertulis serta berupaya mengaplikasi set minda dan kemahiran keusahawanan dalam kerja penyelidikan
PEO 5	Berkebolehan dalam menjana ilmu baharu melalui penyelidikan yang berprestasi tinggi dan kolaborasi rentas bidang yang memberi impak kepada pembangunan dan kelestarian sosioekonomi masyarakat dan negara.



PROGRAM SARJANA & DOKTOR FALSAFAH

Pemetaan PEO dengan IEG dan agenda HEBAT

AGENDA HEBAT PEO IEG	Pemikir *Thinker* (T)	Seimbang *Balanced* (B)	Keusahawanan *Entrepreneurial* (E)	Artikulasi *Articulate* (A)	Holistik *Holistic* (H)
PEO / IEG	IEG 1	IEG 2	IEG 3	IEG 4	IEG 5
PEO 1	√	√			
PEO 2	√	√			
PEO 3		√			√
PEO 4			√	√	
PEO 5				√	√

PROGRAM SARJANA & DOKTOR FALSAFAH

HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM (PLO)

Bagi PLO, program USM telah menggunakan 11 PLO USM mengikut sususan 11 PLO MQF 2.0:

PLO USM	Kemahiran Insaniah
PLO 1	Pengetahuan dan Pemahaman
PLO 2	Kemahiran Kognitif
PLO 3	Kemahiran Praktikal
PLO 4	Kemahiran Interpersonal
PLO 5	Kemahiran Komunikasi
PLO 6	Kemahiran Digital
PLO 7	Kemahiran Numerasi
PLO 8	Kepimpinan, Autonomi dan Tanggungjawab
PLO 9	Kemahiran Personal
PLO 10	Kemahiran Keusahawanan
PLO 11	Etika dan Profesionalisme

Program Sarjana dan Doktor Falsafah (Ph.D) mod penyelidikan mempunyai sebelas (11) penyataan PLO seperti berikut:

PLO 1	Mengintegrasi pengetahuan yang signifikan menggunakan pendekatan yang bersesuaian bagi menangani isu kritikal semasa dan menghasilkan sumbangan yang berimpak serta asli bagi bidang berkaitan.
PLO 2	Menganalisis dan mensintesis idea baharu, kompleks dan abstrak secara kritis serta menyelesaikan isu kontemporari melalui kaedah penyelidikan termaju bagi menghasilkan sumbangan asli yang mematuhi piawaian antarabangsa.
PLO 3	Membangunkan teknik dan kaedah penyelidikan yang asli, kompleks, dan khusus untuk menyelesaikan masalah baharu dan mencipta penyelesaian berkualiti tinggi dalam bidang berkaitan dengan pengawasan minimum.
PLO 4	Mempamerkan kebolehan berkolaborasi yang mantap dengan pelbagai pihak dalam melaksanakan penyelidikan
PLO 5	Membentangkan dapatan penyelidikan, idea, isu, dan penyelesaian dengan jelas, yakin, dan berkesan kepada komuniti penyelidikan, rakan sebaya, dan masyarakat.
PLO 6	Menggunakan teknologi digital dan perisian yang bersesuaian untuk menyokong, mempertingkatkan, dan mewajarkan dapatan penyelidikan.
PLO 7	Mengesahkan dapatan dengan menggunakan analisis yang bersesuaian dengan kaedah penyelidikan bagi memastikan rumusan adalah tepat dan berimpak.

Sambungan

Program Sarjana dan Doktor Falsafah (Ph.D) mod penyelidikan mempunyai sebelas (11) penyataan PLO seperti berikut:


PLO 8	Mempamerkan kualiti kepimpinan berintelek dan kemahiran dalam mengurus penyelidikan dan sumber berkaitan.
PLO 9	Mempamerkan komitmen terhadap pembelajaran sepanjang hayat dan perkembangan kendiri dalam membentuk hala tuju masa hadapan dalam bidang berkaitan.
PLO 10	Mengaplikasikan kemahiran keusahawanan bagi mengenalpasti peluang dan melaksanakan projek yang berinovatif dalam penyelidikan berkaitan.
PLO 11	Mematuhi peraturan dan arahan keselamatan, etika dan profesionalisme, dan amalan kelestarian serta mengenalpasti isu-isu berkaitan bagi kemajuan penyelidikan dalam bidang dan kesannya kepada masyarakat.

PROGRAM SARJANA & DOKTOR FALSAFAH

Matriks Hasil Pembelajaran Program (PLO) terhadap Objektif Pendidikan Program (PEO)

Hasil Pembelajaran Program (PLO) USM	Objektif Pendidikan Program (PEO)				
	PEO 1	PEO 2	PEO 3	PEO 4	PEO 5
PLO1	✓				
PLO2	✓				
PLO3		✓			
PLO4					✓
PLO5				✓	
PLO6		✓			
PLO7		✓			
PLO8			✓		
PLO9					✓
PLO10				✓	
PLO11			✓		

KLUSTER
PENYELIDIKAN SARJANA & DOKTOR FALSAFAH ISDEV



1. Pembangunan berteraskan Islam
2. Pengurusan Institusi Pembangunan berteraskan Islam
3. Pengurusan Pembangunan Aset Islam
4. Ekonomi Politik Islam
5. Pengurusan Perkhidmatan Islam
6. Kaedah Penyelidikan Islam

BIDANG-BIDANG KHUSUS PENYELIDIKAN

* Al-Qur'an & Al-Sunnah dalam Pengurusan Pembangunan
* Usul-Fiqh dan Kaedah Fiqhiyyah dalam Pengurusan Pembangunan
* Pengurusan Pembangunan Insan
* Kaedah Penyelidikan Islam
* Pengurusan Islam
* Pembangunan Berteraskan Islam
* Ekonomi Islam
* Perakaunan Islam
* Politik Islam
* Sosiologi Islam
* Antropologi Islam
* Politik Pembangunan Berteraskan Islam
* Ekonomi Politik Islam
* Perbankan Islam
* Kewangan Islam
* Pengurusan Kekayaan Berteraskan Islam
* Pengurusan Kemiskinan Berteraskan Islam
* Pengurusan Projek Berteraskan Islam
* Pengurusan Konflik Berteraskan Islam
* Etika Pengurusan Pembangunan Berteraskan Islam
* Institusi Pembangunan Berteraskan Islam
* Pengurusan Pembangunan Zakat
* Pengurusan Pembangunan Wakaf
* Pengurusan Pembangunan Takaful
* Pengurusan Pembangunan Ar-Rahnu
* Wasiat dan Faraid
* Pengurusan Pembangunan
* Perkhidmatan dan Isu Produk Halal
* Gerakan Islam

Staf Akademik

BIDANG DAN KEPAKARAN

25

PROFESOR MADYA DR. SHAHIR AKRAM HASSAN

Pautan USM Expert:
https://experts.usm.my/cvitae/shahirakram



B.A (Hons) Usuluddin, Universiti Al-Bayt. Jordan [2009]
M. Soc. Sc. (Pengurusan Pembangunan Islam), Universiti Sains Malaysia [2011]
Ph.D (Kaedah Penyelidikan Islam), Universiti Sains Malaysia [2014]

BIDANG:

- **K**aedah Penyelidikan Islam
- Kaedah Penaakulan Mantiq
- Kaedah Pengumpulan Hadis
- Pengurusan Pembangunan Islam
- Al-Qur'an Untuk Pengurusan Pembangunan Islam
- Falak dan Etnofalak
- Pengurusan Perkhidmatan Islam

PROFESOR MADYA DR. FADZILA AZNI AHMAD

Pautan USM Expert:
https://experts.usm.my/cvitae/sukainah



B Mngmt (Hons), Universiti Sains Malaysia [1998]
M Soc Sc (Ekonomi), Universiti Sains Malaysia [2002]
Ph.D (Pengurusan Pembangunan Islam), Universiti Sains Malaysia [2008]

BIDANG:

- Pengurusan Kualiti Institusi Islam
- Tasawur, Epistemologi dan Ontologi Pengurusan Kualiti (TQM)
- Pengurusan Halal Hijau
- Pengurusan Institusi Pembangunan Islam
- Standard Pengurusan

PROF. MADYA DR. MOHD SYAKIR MOHD ROSDI

Pautan USM Expert:
https://experts.usm.my/cvitae/mohdsyakir



B.A (Hons) Usuluddin – Al-Quran & Hadith, Universiti Malaya [2009]
M. Soc. Sc. (Pengurusan Pembangunan Islam), Universiti Sains Malaysia [2011]
Ph.D (Ekonomi Politik Islam), Universiti Sains Malaysia [2014]

BIDANG:

- Kepimpinan Islam
- Ekonomi Politik Islam
- Tadbir Urus Islam
- Politik Pembangunan Islam
- Seni Negosiasi Islam (Tahaluf Siyasi)

PROFESOR MADYA DR. MOHD SHUKRI HANAPI

Pautan USM Expert:
https://experts.usm.my/cvitae/hshukri



B.A (Hons) Usuluddin (Tafsir), Universiti Al-Azhar, Mesir [1997]
M.A Pengajian Islam (Usuluddin & Hadis), Universiti Sains Malaysia [2001]
Ph.D (Pembangunan Berteraskan Islam - Al-Qur'an & Al-Sunnah Untuk Pengurusan Pembangunan Islam), Universiti Sains Malaysia [2012]

BIDANG:

- Tasawur al-Quran
- Epistemologi dan Tasawur Islam
- Pentakwilan al-Quran
- Kaedah Penterjemahan al-Quran
- Pembangunan Insan
- Al-Qur'an & Al-Sunnah Untuk Pengurusan Pembangunan Islam

DR. AZRIN IBRAHIM

Pautan USM Expert:
https://experts.usm.my/cvitae/azrinibrahim



B.A (Hons) Syariah & Pengurusan, Universiti Malaya [2009]
M. Soc. Sc. (Pengurusan Pembangunan Islam), Universiti Sains Malaysia [2011]
Ph.D (Institusi Pembangunan berteraskan Islam), Universiti Sains Malaysia [2015]

BIDANG:

- Pengurusan Islam
- Hisbah dan Pengawasan Islam
- Integriti
- Psiko-hisbah
- Pembangunan Insaniah

DR. AZREEN HAMIZA ABDUL AZIZ

Pautan USM Expert:
https://experts.usm.my/cvitae/azreenhamiza



BBA (Hons) Finance, Universiti Teknologi MARA [2008]
M. Soc. Sc. (Pengurusan Pembangunan Islam), Universiti Sains Malaysia [2013]
Ph.D (Pengurusan Perkhidmatan berteraskan Islam), Universiti Sains Malaysia [2016]

BIDANG:

- Perbankan dan Kewangan Islam
- Pasaran Modal Islam
- Ekonomi Islam
- Wakaf
- Pengurusan Perkhidmatan Islam
- Pengurusan Hospitaliti Islam
- Pelancongan Mesra Muslim

DR. WAN NORHANIZA WAN HASAN

Pautan USM Expert:
https://experts.usm.my/cvitae/wanhaniza



B. Sc. (Hons), Universiti Sains Malaysia [2008]
M. Soc. Sc. (Pengurusan Pembangunan Islam), Universiti Sains Malaysia [2010]
Ph.D (Pembangunan berteraskan Islam), Universiti Sains Malaysia [2014]

BIDANG:

- Pembangunan berteraskan Islam
- Pembangunan Lestari Islam
- Pembangunan Sosial
- Indeks Pembangunan Islam

DR. MURNI YUSOFF

Pautan USM Expert:
https://experts.usm.my/cvitae/murniyusoff



B. Finance (Hons), Universiti Utara Malaysia [2004]
M. Econs, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia [2011]
Ph.D (Pembangunan berteraskan Islam), Universiti Sains Malaysia [2017]

BIDANG:

- Pemasaran Islam
- Pemasaran Perhubungan Islam
- Perbankan dan Kewangan Islam
- Takaful
- Imej Korporat

PROFESOR EMERITUS & PROFESOR MADYA KEHORMAT ISDEV

PROFESOR EMERITUS
PROFESOR EMERITUS DR. MUHAMMAD SYUKRI SALLEH



Pautan USM Expert:
https://experts.usm.my/cvitae/syukri

- B.Sc. Sc (Hons), Universiti Sains Malaysia
- M.A, Univ. Of East Anglia, United Kingdom
- D.Phil., Univ. Of Oxford, United Kingdom

BIDANG

- Kajian Pembangunan
- Pembangunan berteraskan Islam
- Ekonomi Politik Islam
- Kebangkitan Semula Islam
- Pembangunan Luar Bandar

PROFESOR MADYA KEHORMAT
DR. ZAKARIA BAHARI

Pautan USM Expert:
https://experts.usm.my/cvitae/bzak

- B.Soc. Soc. (Hons).University of Hasanuddin Republic of Indonesia
- M.A., Univ. Kebangsaan M'sia
- PhD., Univ. Kebangsaan M'sia

BIDANG

- Ekonomi Islam
- Ekonomi Kewangan Islam
- Pembangunan Ekonomi
- Pembangunan dan Pengurusan Aset Islam





KEPERLUAN PENGIJAZAHAN

Program Sarjana & Doktor Falsafah



Pelajar-pelajar pascasiswazah (program Sarjana ataupun Doktor Falsafah) mod penyelidikan adalah diwajibkan untuk memenuhi keperluan asas yang ditetapkan oleh Institut Pengajian Siswazah (IPS) untuk tujuan pengijazahan:

- Memenuhi tempoh minimum pengajian.
- Kursus Bahasa Melayu (LKM 111) adalah wajib bagi semua pelajar antarabangsa. Gred minimum C mesti diperoleh sebelum tamat pengajian.
- Lulus kursus Kaedah Penyelidikan (POL500)
- Memenuhi keperluan penerbitan seperti yang dinyatakan oleh IPS. Keperluan ini terpakai kepada pelajar yang berdaftar mulai Semester 1, Sesi Akademik 2017/2018 dan seterusnya. Keperluan penerbitan tersebut adalah sebagaimana berikut:

Keperluan penerbitan:

Program Sarjana	Program Doktor Falsafah
Sekurang-kurangnya satu (1) artikel jurnal, sama ada telah diterima atau diterbitkan, dalam mana-mana kategori berikut: i. Jurnal atau prosiding yang diindeks oleh WOS / SCOPUS / ERA ii. Jurnal terbitan universiti atau yang tersenarai dalam myJurnal (Sistem Pengurusan Jurnal Malaysia dari MyCite – Pusat Sitasi Malaysia) iii. Bab dalam buku yang diterbitkan oleh penerbit yang tersenarai dalam Thomson Reuters Web of Science (WoS) Master Book List, atau oleh Penerbit USM atau MAPIM	Sekurang-kurangnya satu (1) artikel jurnal yang telah diterima atau diterbitkan dalam jurnal yang diindeks oleh WOS / SCOPUS / ERA, ATAU Sekurang-kurangnya dua (2) artikel jurnal yang telah diterima atau diterbitkan dalam mana-mana kategori berikut: i. Jurnal terbitan Universiti atau yang tersenarai dalam myJurnal (Sistem Pengurusan Jurnal Malaysia dari MyCite – Pusat Sitasi Malaysia) ii. Bab dalam buku yang diterbitkan oleh penerbit yang tersenarai dalam Thomson Reuters Web of Science (WoS) Master Book List, atau oleh Penerbit USM atau MAPIM
Kepenulisan: Penerbitan yang diterima mestilah diterbitkan bersama penyelia. Calon mestilah merupakan penulis pelajar pertama. Hanya penulis pelajar pertama sahaja yang dibenarkan menggunakan artikel tersebut untuk memenuhi keperluan tamat pengajiannya.	
Plagiarisme: Artikel yang mempunyai unsur plagiarisme tidak akan diterima sebagai memenuhi syarat tamat pengajian.	
Tajuk Penerbitan: Penerbitan yang diterima mestilah bebas daripada unsur plagiarisme dan berkaitan dengan tajuk tesis atau disertasipelajar.	
Afiliasi: Penerbitan yang diterima mestilah menyatakan afiliasi Universiti Sains Malaysia (USM).	

Seterusnya, pihak IPS juga telah menetapkan proses penyerahan dokumen untuk setiap pelajar pascasiswazah:



01 NOTIS PENYERAHAN TESIS (NOS)

Hantar notis kepada Pusat/PTJ anda sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum penghantaran tesis. Lengkapkan borang dan kemudian Pusat/PTJ anda akan kemukakan kepada IPS.

02 PENYERAHAN DERAF TESIS

Serahkan draf tesis selepas memenuhi tempoh minimum pengajian. Pastikan semua garis panduan dipatuhi sebelum penghantaran.


03 PENYERAHAN TESIS MUTAKHIR

Hantar tesis mutakhir selepas viva voce dan pastikan semua pembetulan yang diperlukan telah dibuat dan disahkan. Pastikan juga semua garis panduan dipatuhi sebelum penghantaran.

Aliran Proses Pengajian

ISDEV

Seterusnya, Pusat/ISDEV secara khusus telah merekabentuk amalan kurikulum pengajian pascasiswazah mod penyelidikan sebagaimana berikut:





FASILITI ISDEV

PENGENALAN

ISDEV mempunyai kemudahan fizikal dan peralatan serta sumber manusia yang umumnya mencukupi untuk keperluan pelajar-pelajar Sarjana dan PhD yang berdaftar dengan ISDEV. Walaupun tidak mempunyai bilik siswazah secara khusus, pelajar mempunyai ruang sosial yang juga bertindak sebagai ruang belajar (*learning space*) yang membolehkan pengajaran dan pembelajaran kendiri dilaksanakan. Ruang ini juga membolehkan pelajar berinteraksi antara satu sama lain.


KEMUDAHAN

Memandangkan pelajar yang mendaftar di ISDEV ialah pelajar dalam bidang sains sosial, kemudahan seperti makmal/bengkel atau studio tidak diperlukan dalam pengajian mereka. Meskipun begitu, terdapat pelbagai kemudahan gunasama seperti capaian internet melalui wifi yang disediakan oleh USM di dalam kampus sangat dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar ISDEV. Akses kepada saluran komunikasi dalam talian seperti Webex juga amat berguna bagi pelajar Sarjana dan PhD ISDEV teruatamanya dalam berkomunikasi dengan penyelia bagi pelajar-pelajar antarabangsa serta membolehkan sebarang taklimat dilaksanakan secara hibrid. Sumber manusia bagi kemudahan gunasama ini disediakan oleh USM di bawah pengurusan Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi (PPKT USM).









FASILITI ISDEV

LAIN-LAIN



Ruang Parkir Kenderaan (Kereta)

Ruangan parkir kenderaan (kereta) yang luas dan dua (2) tangga menuju ke bangunan ISDEV



Ruang santai dan set kerusi dan meja batu

Ruangan santai di bawah pohon pokok yang teduh di luar laman ISDEV untuk beristirehat dan diskusi



Ruang tamu beserta set sofa dan meja berkaca

Ruangan rehat atau diskusi yang berhawa dingin di ruang tamu ISDEV



Ruang istirehat bersofa
Ruangan istirehat dan interaksi dilengkapi sofa dan meja hidangan dan berhawa dingin di kawasan berhadapan Bilik Mesyuarat ISDEV



Tandas lelaki dan wanita
Tandas dan paip sinki bagi kemudahan lelaki dan wanita



Sudut ilmiah
Bahan bacaan seperti jurnal, majalah dan buku disediakan di sudut ilmiah di tingkat atas



Global Classroom


Ruangan serbaguna yang dilengkapi set ICT seperti dua (2) paparan TV dan persidangan atas talian, kerusi dan meja bagi pelbagai kegunaan seperti peperiksaan, latihan, pengajaran, pelawat dan lain-lain acara



Pintu dan tangga kecemasan

Pintu kalis api dan tangga kecemasan tersedia di tingkat atas (Global Classroom) untuk keselamatan dan kesejahteraan pengguna





Anjung ISDEV

Anjung ISDEV disediakan sebagai ruang serbaguna bagi tujuan solat, ruang diskusi dan rehat yang berhawa dingin, kerusi dan meja dan penghadang dinding



Bilik Mesyuarat ISDEV

Bilik mesyuarat yang dilengkapi set meja dan kerusi mesyuarat, alatan ICT seperti paparan LCD, laptop, speaker dan whiteboard berhawa dingin



Smart Televisyen/Sistem Audio

Kemudahan smart televisyen di Global Classroom menyediakan skrin dan paparan yang lebih besar dan jelas untuk keselesaan pelajar



Perpustakaan

Ruangan perpustakaan di Global Classroom menyediakan pelbagai bentuk bahan penerbitan seperti buku, jurnal, tesis, majalah dan bahan bercetak lain untuk rujukan pengguna

39

KALENDAR AKADEMIK USM

SIDANG AKADEMIK 2025/2026
SIDANG AKADEMIK 2026/2027



KALENDAR AKADEMIK - SIDANG AKADEMIK 2025/2026

BAGI SEMUA RANCANGAN (KECUALI PROGRAM DOKTOR PERUBATAN DAN DOKTOR PERGIGIAN)

Kampus Induk : Pendaftaran Pelajar Baharu (26 - 28 September 2025) / **Minggu Siswa Lestari (29 September - 04 Oktober 2025)
Kampus Kejuruteraan : Pendaftaran Pelajar Baharu (28 September 2025) / **Minggu Siswa Lestari (29 September - 04 Oktober 2025)
Kampus Kesihatan : Pendaftaran Pelajar Baharu (30 September 2025) /Minggu Siswa Lestari (30 September - 04 Oktober 2025)**

SEM	MINGGU	AKTIVITI	TARIKH	CATATAN
SATU	1	P&P (7 Minggu)	Isnin, 06.10.2025 - Ahad, 12.10.2025	
	2		Isnin, 13.10.2025 - Ahad, 19.10.2025	
	3		Isnin, 20.10.2025 - Ahad, 26.10.2025	20.10.2025, Isnin - Hari Deepavali**
	4		Isnin, 27.10.2025 - Ahad, 02.11.2025	
	5		Isnin, 03.11.2025 - Ahad, 09.11.2025	
	6		Isnin, 10.11.2025 - Ahad, 16.11.2025	
	7		Isnin, 17.11.2025 - Ahad, 23.11.2025	
	8	Cuti Pertengahan Semester I (1 Minggu)	Isnin, 24.11.2025 - Ahad, 30.11.2025	
	9	P&P (7 Minggu)	Isnin, 01.12.2025 - Ahad, 07.12.2025	
	10		Isnin, 08.12.2025 - Ahad, 14.12.2025	
	11		Isnin, 15.12.2025 - Ahad, 21.12.2025	
	12		Isnin, 22.12.2025 - Ahad, 28.12.2025	25.12.2025, Khamis - Hari Krismas
	13		Isnin, 29.12.2025 - Ahad, 04.01.2026	01.01.2026, Khamis - Tahun Baharu 2026
	14		Isnin, 05.01.2026 - Ahad, 11.01.2026	
	15		Isnin, 12.01.2026 - Ahad, 18.01.2026	
	16	Minggu Ulang Kaji (1 Minggu)	Isnin, 19.01.2026 - Ahad, 25.01.2026	
	17	Peperiksaan (3 Minggu)	Isnin, 26.01.2026 - Ahad, 01.02.2026	01.02.2026, Ahad - Hari Thaipusam
	18		Isnin, 02.02.2026 - Ahad, 08.02.2026	02.02.2026, Isnin - cuti ganti Hari Thaipusam (Kampus Induk & Kejuruteraan)
	19		Isnin, 09.02.2026 - Ahad, 15.02.2026	
	20	Cuti Semester I / Latihan Industri (4 Minggu)	Isnin, 16.02.2026 - Ahad, 22.02.2026	17 & 18.02.2026, Selasa & Rabu - Tahun Baru Cina 19.02.2026, Khamis - Awal Ramadhan
	21		Isnin, 23.02.2026 - Ahad, 01.03.2026	
	22		Isnin, 02.03.2026 - Ahad, 08.03.2026	07.03.2026, Sabtu - Nuzul Al-Quran
	23		Isnin, 09.03.2026 - Ahad, 15.03.2026	
DUA	24/1	P&P (7 Minggu)	Isnin, 16.03.2026 - Ahad, 22.03.2026	21.03.2026 & 22.03.2026, Sabtu & Ahad - Hari Raya Aidilfitri**
	25/2		Isnin, 23.03.2026 - Ahad, 29.03.2026	23.03.2026, Isnin - cuti ganti Hari Raya Aidilfitri**
	26/3		Isnin, 30.03.2026 - Ahad, 05.04.2026	
	27/4		Isnin, 06.04.2026 - Ahad, 12.04.2026	
	28/5		Isnin, 13.04.2026 - Ahad, 19.04.2026	
	29/6		Isnin, 20.04.2026 - Ahad, 26.04.2026	
	30/7		Isnin, 27.04.2026 - Ahad, 03.05.2026	01.05.2026, Jumaat - Hari Pekerja
	31/8	Cuti Pertengahan Semester II (1 Minggu)	Isnin, 04.05.2026 - Ahad, 10.05.2026	
	32/9	P&P (7 Minggu)	Isnin, 11.05.2026 - Ahad, 17.05.2026	
	33/10		Isnin, 18.05.2026 - Ahad, 24.05.2026	
	34/11		Isnin, 25.05.2026 - Ahad, 31.05.2026	27 & 28.05.2026, Rabu & Khamis - Hari Raya Aidiladha** 31.05.2026, Ahad - Hari Wesak
	35/12		Isnin, 01.06.2026 - Ahad, 07.06.2026	01.06.2026, Isnin - cuti ganti Hari Wesak (Kampus Induk & Kejuruteraan) 01.06.2026, Isnin - Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong
	36/13		Isnin, 08.06.2026 - Ahad, 14.06.2026	
	37/14		Isnin, 15.06.2026 - Ahad, 21.06.2026	17.06.2026, Rabu - Awal Muharram
	38/15		Isnin, 22.06.2026 - Ahad, 28.06.2026	
	39/16	Minggu Ulang Kaji	Isnin, 29.06.2026 - Ahad, 05.07.2026	
	40/17	**Peperiksaan (2 Minggu) / Peperiksaan (3 Minggu)	Isnin, 06.07.2026 - Ahad, 12.07.2026	07.07.2026, Selasa - Hari Bandar Warisan Dunia Georgetown 11.07.2026, Sabtu - Hari Jadi Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
	41/18		Isnin, 13.07.2026 - Ahad, 19.07.2026	
	42/19		Isnin, 20.07.2026 - Ahad, 26.07.2026	
KSOP / CUTI PANJANG	43/20	Cuti Semester II / Latihan Industri (10/11 Minggu)	Isnin, 27.07.2026 - Ahad, 02.08.2026	
	44/21		Isnin, 03.08.2026 - Ahad, 09.08.2026	
	45/22		Isnin, 10.08.2026 - Ahad, 16.08.2026	
	46/23		Isnin, 17.08.2026 - Ahad, 23.08.2026	
	47/24	*P&P	Isnin, 24.08.2026 - Ahad, 30.08.2026	25.08.2026, Selasa - Maulidur Rasul
	48/25		Isnin, 31.08.2026 - Ahad, 06.09.2026	31.08.2026, Isnin - Hari Kebangsaan
	49/26	Peperiksaan	Isnin, 07.09.2026 - Ahad, 13.09.2026	
	50/27		Isnin, 14.09.2026 - Ahad, 20.09.2026	16.09.2026, Rabu - Hari Malaysia
	51/28		Isnin, 21.09.2026 - Ahad, 27.09.2026	

Nota: Pengurangan tempoh pengajian selama satu (1) minggu iaitu pada tarikh 28.09.2026 hingga 04.10.2026

KALENDAR AKADEMIK - SIDANG AKADEMIK 2026/2027

BAGI SEMUA RANCANGAN (KECUALI PROGRAM DOKTOR PERUBATAN DAN DOKTOR PERGIGI

Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan Tuanku Syed Sirajuddin dan Kampus Kesihatan
Pendaftaran Pelajar Baharu : 12 - 20 September 2026, Sabtu hingga Ahad
Program Siswa Lestari : 21 - 26 September 2026, Isnin hingga Sabtu

SEM	MINGGU	AKTIVITI	TARIKH	CATATAN
SATU	1	P&P (7 Minggu)	Isnin, 28.09.2026 - Ahad, 04.10.2026	29 & 30.09.2026, Selasa & Rabu - Hari Keputeraan Sultan Kelantan (Kampus Kesihatan)
	2		Isnin, 05.10.2026 - Ahad, 11.10.2026	
	3		Isnin, 12.10.2026 - Ahad, 18.10.2026	
	4		Isnin, 19.10.2026 - Ahad, 25.10.2026	
	5		Isnin, 26.10.2026 - Ahad, 01.11.2026	
	6		Isnin, 02.11.2026 - Ahad, 08.11.2026	08.11.2026, Ahad - Hari Deepavali**
	7		Isnin, 09.11.2026 - Ahad, 15.11.2026	
	8	Cuti Pertengahan Semester I (1 Minggu)	Isnin, 16.11.2026 - Ahad, 22.11.2026	
	9	P&P (7 Minggu)	Isnin, 23.11.2026 - Ahad, 29.11.2026	
	10		Isnin, 30.11.2026 - Ahad, 06.12.2026	
	11		Isnin, 07.12.2026 - Ahad, 13.12.2026	
	12		Isnin, 14.12.2026 - Ahad, 20.12.2026	
	13		Isnin, 21.12.2026 - Ahad, 27.12.2026	25.12.2026, Jumaat - Hari Krismas
	14		Isnin, 28.12.2026 - Ahad, 03.01.2027	01.01.2027, Jumaat - Tahun Baharu 2027
	15		Isnin, 04.01.2027 - Ahad, 10.01.2027	
	16	Minggu Ulang Kaji (1 Minggu)	Isnin, 11.01.2027 - Ahad, 17.01.2027	
	17	Peperiksaan (3 Minggu)	Isnin, 18.01.2027 - Ahad, 24.01.2027	22.01.2027, Jumaat - Hari Thaipusam
	18		Isnin, 25.01.2027 - Ahad, 31.01.2027	
	19		Isnin, 01.02.2027 - Ahad, 07.02.2027	06 & 07.02.2027, Sabtu & Ahad - Tahun Baru Cina
	20	Cuti Semester I / Latihan Industri (4 Minggu)	Isnin, 08.02.2027 - Ahad, 14.02.2027	08.02.2027, Isnin - Awal Ramadhan
	21		Isnin, 15.02.2027 - Ahad, 21.02.2027	
	22		Isnin, 22.02.2027 - Ahad, 28.02.2027	24.02.2027, Rabu - Nuzul Al-Quran
	23		Isnin, 01.03.2027 - Ahad, 07.03.2027	
DUA	24/1	P&P (7 Minggu)	Isnin, 08.03.2027 - Ahad, 14.03.2027	10 & 11.03.2027, Rabu & Khamis - Hari Raya Aidilfitri**
	25/2		Isnin, 15.03.2027 - Ahad, 21.03.2027	
	26/3		Isnin, 22.03.2027 - Ahad, 28.03.2027	
	27/4		Isnin, 29.03.2027 - Ahad, 04.04.2027	
	28/5		Isnin, 05.04.2027 - Ahad, 11.04.2027	
	29/6		Isnin, 12.04.2027 - Ahad, 18.04.2027	
	30/7		Isnin, 19.4.2027 - Ahad, 25.04.2027	
	31/8	Cuti Pertengahan Semester II (1 Minggu)	Isnin, 26.04.2027 - Ahad, 02.05.2027	01.05.2027, Sabtu - Hari Pekerja 02.05.2027, Ahad - cuti ganti Hari Pekerja (Kampus Kelantan)
	32/9	P&P (7 Minggu)	Isnin, 03.05.2027 - Ahad, 09.05.2027	
	33/10		Isnin, 10.05.2027 - Ahad, 16.05.2027	
	34/11		Isnin, 17.05.2027 - Ahad, 23.05.2027	17.05.2027, Isnin - Hari Raya Aidiladha** 18.05.2027, Selasa - cuti ganti Hari Raya Aidiladha** (Kampus Kelantan) 20.05.2027, Khamis - Hari Wesak
	35/12		Isnin, 24.05.2027 - Ahad, 30.05.2027	
	36/13		Isnin, 31.05.2027 - Ahad, 06.06.2027	06.06.2027, Ahad - Awal Muharram
	37/14		Isnin, 07.06.2027 - Ahad, 13.06.2027	07.06.2027, Isnin - cuti ganti Awal Muharram (Kampus Induk & Kejuruteraan) 07.06.2027, Isnin - Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong
	38/15		Isnin, 14.06.2027 - Ahad, 20.06.2027	
	39/16	Minggu Ulang Kaji	Isnin, 21.06.2027 - Ahad, 27.06.2027	
	40/17	**Peperiksaan (2 Minggu)	Isnin, 28.06.2027 - Ahad, 04.07.2027	
	41/18	Peperiksaan (3 Minggu)	Isnin, 05.07.2027 - Ahad, 11.07.2027	07.07.2027, Rabu - Hari Bandar Warisan Dunia Georgetown 10.07.2027, Sabtu - Hari Jad Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
	42/19		Isnin, 12.07.2027 - Ahad, 18.07.2027	
KSCP / CUTI PANJANG	43/20	Cuti Semester II / Latihan Industri (10/11 Minggu)	Isnin, 19.07.2027 - Ahad, 25.07.2027	
	44/21		Isnin, 26.07.2027 - Ahad, 01.08.2027	
	45/22		Isnin, 02.08.2027 - Ahad, 08.08.2027	
	46/23		Isnin, 09.08.2027 - Ahad, 15.08.2027	15.08.2027, Ahad - Maulidur Rasul
	47/24	*P&P	Isnin, 16.08.2027 - Ahad, 22.08.2027	16.08.2027, Isnin - cuti ganti Maulidur Rasul
	48/25		Isnin, 23.08.2027 - Ahad, 29.08.2027	
	49/26	Peperiksaan	Isnin, 30.08.2027 - Ahad, 05.09.2027	31.08.2027, Selasa - Hari Kebangsaan
	50/27		Isnin, 06.09.2027 - Ahad, 12.09.2027	
	51/28		Isnin, 13.09.2027 - Ahad, 19.09.2027	16.09.2027, Khamis - Hari Malaysia
	52/29		Isnin, 20.09.2027 - Ahad, 26.09.2027	

**Kalendar Akademik adalah tertakluk kepada pindaan (sekiranya ada)

PINDAAN TARIKH PENDAFTARAN PELAJAR
SENAT KE-299 (21 MEI 2026)

42








DIREKTORI
ISDEV

SENARAI DIREKTORI STAF ISDEV

PEJABAT PENGARAH				04-6532124
Pengarah Pensyarah Universiti	Profesor Madya Dr. Shahir Akram Bin Hassan	04-6532656	2656	shahirakram@usm.my
Timbalan Pengarah Pensyarah Universiti	Profesor Madya Dr. Mohd Syakir Bin Mohd Rosdi	04-6535813	5813	mohdsyakir@usm.my
Pembantu Setiausaha Pejabat	Encik Muhammad Burhanuddin Helmy Bin Musa	04-6533422	3422	helmy@usm.my
PEJABAT PENTADBIRAN				04-6532124
Penolong Pegawai Tadbir	Puan Anati Binti Mohd Hamidi	04-6534601	4601	anati@usm.my
Pembantu Tadbir (perkeranian/ Operasi)	Encik Amir Zayyani Zahari	04-6535812	5812	amir_zayyani@usm.my
Pembantu Tadbir (perkeranian/ Operasi)	Puan Nur Shuhada Ahmad Ghazali	04-6532910	2910	nur_shuhada@usm.my
Pembantu Tadbir (perkeranian/ Operasi)	Encik Abdul Nassier Bin A Rahim	04-6532910	2910	nassirrozim@usm.my
Pembantu Operasi	Encik Ahmad Rizuan Bin Ramjan	04-6535812	5812	ahmadrizuan@usm.my

SENARAI DIREKTORI STAF ISDEV

PENSYARAH AKADEMIK				Emel
Pensyarah Universiti	Profesor Madya Dr. Fadzila Azni Binti Ahmad	04-6534603	4603	sukainah@usm.my
Pensyarah Universiti	Profesor Madya Dr. Mohd Shukri Bin Hanapi	04-6532665	2665	hshukri@usm.my
Pensyarah Universiti	Dr. Azrin Binti Ibrahim	04-6532264	2642	azrinibrahim@usm.my
Pensyarah Universiti	Dr. Wan Norhaniza Binti Wan Hasan	04-6532800	2800	wanhaniza@usm.my
Pensyarah Universiti	Dr. Azreen Hamiza Binti Abdul Aziz	04-6533634	3634	azreenhamiza@usm.my
Pensyarah Universiti	Dr. Murni Binti Yusoff	04-6532394	2394	murniyusoff@usm.my
PROFESOR EMERITUS				
Profesor Emeritus	Profesor Emeritus Dr. Mohd Sakri @ Shukri Bin Salleh	-	-	syukri@usm.my
PROFESOR KEHORMAT				
Profesor Madya Kehormat	Profesor Madya Dr. Zakaria Bin Bahari	-	-	bzak@usm.my
FELO PASCA DOKTORAL				
Felo Pasca Doktoral	Dr. Muhammad Talhah Bin Ajmain@jama'ain	04-6532661	2661	muhammadtalhah.j@utm.my



DISEDIAKAN OLEH:

Jawatankuasa IQA ISDEV:

- Dr. Azrin Ibrahim
- Prof. Madya Dr. Mohd Shukri Hanapi
- Prof. Madya Dr. Mohd Syakir Mohd Rosdi
- Dr. Murni Yusoff
- Dr. Azreen Hamiza Abdul Aziz

Jawatankuasa Swa-Akreditasi ISDEV:

- Prof. Madya Dr. Fadzila Azni Ahmad

Jawatankuasa BPK:

- Dr. Wan Norhaniza Wan Hasan

Bantuan Staf Pentadbiran ISDEV:

Puan Anati Mohd Rosidi
Encik Amir Zayyani Zahari
Encik Abdul Nassier A Rahim
Puan Nur Shuhada Ahmad Ghazali
Encik Ahmad Rizuan Ramjan

DISEMAK DAN DISAHKAN OLEH:

Pengarah ISDEV

Profesor Madya Dr. Shahir Akram Hassan

Timbalan Pengarah ISDEV

Profesor Madya Dr. Mohd Syakir Mohd Rosdi